



**TEO KOK  
SEONG**

liknya mereka menentang  
salnya semasa menentang  
ram Dwibahasa yang ingin menga-  
jar mata pelajaran Sains dan  
Teknologi dalam bahasa Inggeris,  
walaupun secara bersekali dengan  
bahasa Melayu. Ini dilakukan me-  
reka kerana persaingan yang di-  
wujudkan antara dua bahasa ini  
oleh kita sendiri, pasti akan me-  
minggirkan bahasa Melayu pada  
akhirnya. Ini didasarkan banyak  
kes persaingan bahasa lain dengan  
bahasa Inggeris sebelum ini di se-  
rata dunia, yang memperlihatkan ba-  
hasa lain itu tidak diminati lagi  
oleh komunitinya sendiri, lalu  
menjadi tidak penting langsung.

### **Identiti rakyat Malaysia**

Hal ini tidak boleh dibiarkan ber-  
laku kepada bahasa Melayu. Ba-  
hasa Melayu terlalu bernilai ke-  
pada kita semua untuk dihancur-  
kan bahasa Inggeris. Nilai itu  
terletak pada beberapa perkara.  
Pertama, bahasa Melayu satu-sa-  
tunya bahasa yang mampu me-  
ngungkapkan identiti rakyat Ma-  
laysia dengan baik. Identiti kita  
sebagai rakyat Malaysia bukan sa-  
haja penting kerana bahasa Melayu  
jiwa bangsa Malaysia. Ia juga pen-  
ting untuk rakyat Malaysia dike-  
nali, dicam dan diingati di dalam  
dan luar negara sebagai satu ko-  
muniti yang berbeza dengan yang  
lain.

Dengan ini, bahasa Melayu akan  
memberikan rakyat Malaysia ciri  
dan watak kebahasaan yang tidak  
sama dengan kelompok lain, wa-  
laupun di Nusantara ini. Hanya  
bahasa Melayu mampu bertindak

han bangsa Melayu. Ini dapat dilihat dari segi me-  
ranan bahasa Melayu dalam me-  
nyampaikan peristiwa penting  
negara, yang dilakukan melalui na-  
hu dan kosa katanya.

Perkara empat adalah bahasa  
Melayu terlalu indah untuk dike-  
sampingkan. Sehubungan ini, ba-  
hasa Melayu dengan bunyi, kata,  
ayat dan maknanya bukan sahaja  
mampu membina sistem komuni-  
kasi yang berkesan. Ia juga berjaya  
membentuk kecanggihan yang in-  
dah untuk digunakan bagi men-  
cantikkan sastera dan seni negara.

Oleh sebab empat perkara inilah  
dan bersama-sama yang lain, an-  
taranya taraf linguistiknya sebagai  
bahasa saintifik moden dan ke-  
dudukan sosialnya selaku bahasa  
kelima terbesar di dunia, pencinta  
bahasa Melayu berasa bukan sa-  
haja kita berdosa besar kepada le-  
luhur kita yang telah berjaya mem-  
binanya sehingga memperlihatkan sis-  
tem perlambangan yang mampu  
memahami alam semesta dengan  
baik sekali, jika ia dikesampingkan.  
Yang lebih penting dari itu ialah  
mereka juga merasakan kesampi-  
ngan bahasa Melayu satu tragedi  
intelektual. Oleh itu, ia tidak boleh  
dibenarkan berlaku. Pemikiran be-  
gini sederhana sekali dan langsung  
tidak pun bersifat melampau.



### **Penulis**

ialah Profesor di Universiti  
Kebangsaan Malaysia dan EXCO  
Majlis Profesor Negara